

# Bengkel SEM AMOS di UMS berlangsung dengan jayanya

UB 28-4-16 AB

LABUAN: Seramai 25 pelajar pascasiswazah, guru serta pensyarah yang berada di sekitar negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan telah menyertai Bengkel Structural Equation Modelling (SEM) dengan menggunakan perisian AMOS 21.0 di Bilik Mesyuarat Bangunan Pascasiswazah Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kota Kinabalu pada 23-24 April lalu.

Bengkel yang dianjurkan oleh Suhaimi Sapiee Consultancy and Services itu telah dikendalikan oleh seorang penceramah yang begitu berpengalaman dalam bidang berkenaan iaitu Profesor Dr Zainudin Awang dari Fakulti Ekonomi dan Sains Pengurusan Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) Kuala Terengganu.

Zainudin mempunyai pengalaman 25 tahun dalam bidang statistik dan kaedah penyelidikan.

Bengkel pada kali ini adalah pertama kali diadakan di Kota Kinabalu di bawah kendalian Zainudin.

Dalam bengkel tahap pertama itu, para peserta telah didedahkan dengan pengenalan SEM dalam menjalankan penyelidikan serta keperluan dan kepentingan SEM pada masa kini.

Di samping itu, para peserta juga didedahkan langkah-langkah penggunaan perisian AMOS dalam mengaplikasikan SEM dalam kajian para peserta kelak.

Rata-rata peserta memberi maklumbalas positif terhadap bengkel berkenaan.

Salah seorang peserta yang sedang melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah di UMS, Nadzrul Iswandie berkata bengkel itu memberi peluang kepada para pelajar yang berada di sekitar Sabah kerana bengkel seperti itu



**SEBAHAGIAN peserta yang memberi perhatian kepada penerangan yang disampaikan Zainudin.**



**WAJAH-wajah ceria peserta SEM AMOS.**

sangat sukar diperolehi, tambahan lagi dikendalikan oleh penceramah yang berpengalaman.

“Saya sanggup datang dari Wilayah Persekutuan Labuan ke Kota Kinabalu semata-mata ingin mengikuti bengkel kerana kebiasaannya bengkel seperti itu diadakan di Semenanjung yang mana saya memerlukan perbelanjaan yang tinggi untuk ke sana.

“Saya juga berharap agar ilmu yang diperolehi dalam bengkel ini dapat digunakan dengan sebaik mungkin dalam menyiapkan thesis saya nanti,”katanya.

Seorang lagi peserta yang telah menamatkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah tahun lalu, Dr Eravan Serri berkata walaupun telah menamatkan pengajian, beliau

berasa amat perlu untuk mengikuti bengkel itu agar dapat mempelajari kaedah terkini dalam menganalisis data terutama dalam bidang sains sosial memandangkan pengajian sebelum ini adalah dalam bidang kejuruteraan.

Disamping itu juga katanya, dengan pengetahuan itu secara tidak langsung beliau dapat membantu rakan lain yang sedang menyambung pengajian.

Menurut pihak penganjur, Suhaimi Sapiee, syarikatnya mengambil inisiatif untuk menganjurkan bengkel itu kerana ingin membantu pelajar yang berada di sekitar Sabah untuk mendapatkan ilmu dalam kaedah analisis data memandangkan bengkel seperti itu kerap kali diadakan di Semenanjung sahaja.